

	UNIVERSITI UTARA MALAYSIA MINIT MESYUARAT SENAT KALI KE-272 BIL.3/2017	TARIKH	18 Jun 2017
		MASA	10.00 pagi
		TEMPAT	Bilik Mesyuarat Senat

HADIR**PENGERUSI**

Y.Bhg. Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa bin Ishak
Naib Canselor

TIMBALAN NAIB CANSELOR

Prof. Dr. Hassan bin Ali
(Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Dr. Noor Azizi bin Ismail
(Penyelidikan dan Inovasi)

Prof. Madya Dr. Abdul Malek bin Abdul Karim
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

PENOLONG NAIB CANSELOR

Prof. Dr. Yusnidah bt. Ibrahim
UUM College of Business

Prof. Madya Dr. Huda bt. Hj. Ibrahim
UUM College of Arts and Sciences

Prof. Madya Dr. Ahmad Bashawir bin Haji Abdul Ghani
UUM College of Law, Government and International Studies

DEKAN**UUM College of Arts and Sciences**

Prof. Dr. Norshuhada bt. Shiratuddin
Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences

Prof. Dr. Sharipah Soaad bt. Syed Yahaya
Pusat Pengajian Sains Kuantitatif

Prof. Madya Dr. Noor Azniza bt. Ishak
Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial

2.13 KERTAS KERJA BIL. 94/2017 - CADANGAN SEMAKAN KURIKULUM PROGRAM SARJANA PENTADBIRAN PERNIAGAAN

Mesyuarat

- i. mengambil maklum:
 - a) tentang cadangan semakan kurikulum program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (*Master of Business Administration*);
 - b) bahawa peringkat pengajian bagi program ini adalah Ijazah Sarjana. Program ini dikendalikan secara kerja kursus dalam dua mod iaitu secara sepenuh masa dan separuh masa.
 - c) bahawa program MBA diluluskan oleh Senat Universiti Utara Malaysia pada Mesyuarat Senat Senat Ke-118 Bil. 6/1998 pada 16/09/1998 dan mendapat kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi pada 21/12/1998 [surat KPT: KP.S(PT)7059/9/(47). Pengambilan pertama adalah pada Semester September tahun 1996.

Kali terakhir program ini telah disemak semula ialah pada tahun 2011 dan semakan program ini akan mula dilaksanakan mulai Semester Pertama Sesi 2017/2018 (A171);

- d) bahawa struktur program MBA adalah secara mod kerja kursus (*coursework mode*). Program ini dikendalikan secara sepenuh masa dan separuh masa di Universiti

Utara Malaysia. Bagi dua-semester sistem setahun, tempoh pengajian minimum adalah selama 4 semester dan dan tempoh pengajian maksimum adalah 10 semester. Bagi *tri-semester* sistem setahun, tempoh minima pengajian adalah 5 semester dan tempoh maksima adalah sebanyak 15 semester.

Kaedah pengajaran bagi program adalah melalui kuliah, kuliah atas talian melalui UUM Online Learning, pembentangan, perbincangan kumpulan kecil, kajian kes, dan seminar;

- e) bahawa Keupayaan khusus (*competencies*) yang akan diperolehi oleh pelajar di akhir program adalah seperti berikut:

No.	Hasil Pembelajaran Program/Program Learning Outcome (PLO)
1.	Menyepadukan dan menggunakan pengetahuan perniagaan, kemahiran, dan teknik pengurusan maju untuk menguruskan organisasi dalam persekitaran perniagaan yang global. <i>Integrate and apply advanced business knowledge, skills, and management techniques to manage organisations in a global business environment.</i>
2.	Menggunakan kemahiran teknikal dan psikomotor untuk mengendalikan organisasi secara ekonomi, sosial dan alam sekitar yang mampan. <i>Apply technical and psychomotor skills to operate the organisation in an economically, socially and environmental sustainable manner.</i>
3.	Memaparkan kemahiran sosial dan tanggungjawab kepada masyarakat dan alam sekitar apabila bekerja dalam organisasi perniagaan bermula dari saiz kecil sampai kepada multi-nasional. <i>Display social skills and responsibilities to society and environment when working in business organisations ranging in size from small to multi-national.</i>
4.	Menunjukkan nilai kerja, sikap, profesionalisme, dan pematuhan dengan standard etika dalam menguruskan amalan perniagaan tempatan dan global. <i>Demonstrate the work values, attitudes, professionalism, and compliance with ethical standards in managing business practices locally and globally.</i>
5.	Menunjukkan kepimpinan yang berkesan dalam persekitaran yang berasaskan pasukan untuk mencapai matlamat yang sama dengan menggunakan kemahiran komunikasi yang berkesan dan strategi. <i>Demonstrate effective leadership in a team-based environment to accomplish a common goal using effective communication skills and strategies.</i>
6.	Menjalankan keupayaan analitikal dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan perniagaan secara sistematik melalui penggunaan pendekatan atau kaedah saintifik. <i>Exercise analytical ability in systematically solving business related problems via the application of scientific approaches or methods.</i>
7.	Mempamerkan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dan budaya dengan menggunakan pengurusan maklumat untuk pembangunan dan pertumbuhan profesional yang berterusan. <i>Exhibit lifelong learning skills and culture by utilising information management for continuous professional development and growth.</i>
8.	Melaksanakan kemahiran pengurusan dan keusahawanan dalam membuat keputusan pengurusan yang berkesan. <i>Perform managerial and entrepreneurial skills in effective management decision making.</i>

- f) bahawa komponen yang diubah:

1. Perubahan Jumlah Kredit Keseluruhan Program

Selaras dengan pandangan pemegang taruh termasuklah panel penasihat OYAGSB, penilai luar program MBA dan juga badan akreditasi AMBA, jumlah jam kredit untuk program MBA ditambah dari **42 jam kredit** (struktur sedia ada) kepada **48 jam kredit** (struktur dicadangkan).

2. Penambahan atau pengurangan kursus.
Program sedia ada MBA adalah sebanyak 42 jam kredit dengan 30 jam kredit komponen teras dan 12 jam kredit komponen elektif. Dalam struktur baru yang dicadangkan ini komponen teras adalah sebanyak **36 jam kredit**. Walaubagaimapun, terdapat perubahan dalam komponen kursus elektif yang kini adalah 12 jam kredit dan dikurangkan kepada **6 jam kredit**. Satu komponen baru berasaskan projek diperkenalkan iaitu kertas projek (project paper) pengurusan yang merangkumi 6 jam kredit. Perubahan dalam komponen program adalah seperti berikut:
 - Pengurangan kursus *Management Information System* (MIS) adalah berdasarkan maklum balas yang diterima daripada pelajar MBA yang sedia ada dan alumni MBA. Pelajar mendapati aspek-aspek MIS yang dipelajari ada persamaan dengan kandungan beberapa kursus teras yang lain.
 - Pengenalan kursus teras Inovasi dan Penciptaan Usaha Baharu (Innovation and New Venture Creation) adalah sejajar dengan matlamat kerajaan yang menekankan penyerapan bidang keusahawanan di dalam struktur program melalui Malaysian Education Blueprint 2015-2025.
 - Pengenalan kursus teras E-Business adalah sejajar dengan objektif untuk mengukuhkan komponen keusahawanan dalam program MBA.
 - Komponen pengkhususan dikurangkan kepada **enam (6) jam kredit** dari 12 jam kredit (struktur semasa). Pengurangan **enam (6) jam kredit** tersebut digantikan **Project Paper** yang merangkumi **enam (6) jam kredit**. Perubahan ini dirasakan boleh membantu para pelajar untuk mendalami bidang yang dipilih.
 - Pengenalan Kertas Projek (*Project Paper*) adalah atas permintaan daripada pelajar dan juga kehendak standard Association of MBA (AMBA, UK). Selain itu, pengenalan track ini sejajar dengan aspirasi Malaysian Education

Blue Print 2015-2025 untuk memupuk minat keusahawanan dan seterusnya melahirkan lebih ramai usahawan. Selain dari itu, AMBA mengharapkan penambahbaikan dilakukan pada struktur MBA dengan mengambilkira capstone kursus/projek yang boleh merealisasikan kesinambungan pembelajaran yang telah dilalui dari semester pertama sehingga ke semester yang akhir. Aspek keusahawanan juga ditekankan oleh badan akreditasi AMBA dan ABEST 21.

- Bidang pengkhususan telah dikurangkan dari 15 bidang kepada 7 bidang. Bidang-bidang yang ditawarkan ialah; Perakaunan (*Accounting*), Perbankan Islam dan Kewangan (*Islamic Banking and Finance*), Analitik Perniagaan (*Business Analytics*), Keusahawanan, Kreativiti, dan Innovation (*Entrepreneurship, Creativity, and Innovation*), Operasi dan Pengurusan Rangkaian Bekalan (*Operations and Supply Chain Management*), Pengurusan Sumber Manusia (*Human Resource Management*), dan Komunikasi dan Perundingan Perniagaan (*Communication and Business Negotiation*). Bidang-pengkhususan yang dikeluarkan adalah; Kewangan (*Finance*), Pengurusan Teknologi (*Technology Management*), Pemasaran (*Marketing*), Perniagaantani (*Agribusiness*), Pembangunan Lestari (*Sustainable Development*), Pengurusan Muamalat (*Muamalat Management*), Pengurusan Kesihatan (*Healthcare Management*), Perniagaan Antarabangsa (*International Business*), Pengurusan Logistik (*Logistic Management*), Pengurusan Risiko dan Insurans (*Risk Management and Insurance*), Pelancungan dan Pengurusan Hospitaliti (*Tourism and Hospitality Management*). Keputusan untuk mengekalkan atau menggugurkan bidang-pengkhususan ini dibuat berdasarkan permintaan pelajar disamping unjuran bidang-kepakaran ahli fakulti.
3. Perbandingan struktur sedia ada dan cadangan struktur baharu adalah seperti di **Lampiran 8A**.
 4. Peratusan perubahan

Dalam cadangan struktur baharu ini, keseluruhan jam kredit berubah kepada 48 jam kredit. Kursus teras

program MBA diubah menjadi 36 jam kredit dan terdapat perubahan jam kredit di dalam komponen elektif dan kertas projek disebabkan oleh perubahan terhadap jam kredit komponen kursus elektif dan juga kertas projek. Perubahan ini dilakukan bagi memastikan bahawa program MBA yang ditawarkan menepati keperluan MQA dan keperluan industri. Berdasarkan teras program dan elektif program, peratus perubahan adalah seperti **Jadual 2** di bawah:

Jadual 2: Peratus Perubahan dalam Teras Program, Elektif Program dan Jam Kredit Keseluruhan

Perkara	Struktur Sedia Ada	Struktur Baharu
Teras Program	30 jam kredit	36 jam kredit
Peratus perubahan dalam teras program = 20%		
Elektif	12 jam kredit	6 jam kredit
Peratus perubahan dalam elektif program = -50%		
Project Paper	0 jam kredit	6 jam kredit
Peratus perubahan dalam Project Paper = ∞		
Jumlah Jam Kredit Keseluruhan	42 jam kredit	48 jam kredit
Peratus perubahan dalam keseluruhan jam kredit = 14.3%		

g) bahawa unjuran pelajar seperti berikut:

TAHUN	2017	2018	2019	2020	2021
Pengambil	120	120	120	120	120
Enrolmen	-	240	240	240	240
Keluaran (graduan)	-	-	120	120	120

h) bahawa syarat-syarat kemasukan seperti berikut:

Kemasukan ke program Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) UUM adalah berdasarkan kriteria berikut:

1. A bachelor's degree from Universiti Utara Malaysia or any other institutions of higher learning recognised by the University Senate with a CGPA of **at least 2.75** and have **at least three (3) years** of work experience relevant to the chosen area of specialisation; **or**

Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Utara Malaysia atau dari mana-mana institusi Pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat dengan PMK sekurang-kurangnya 2.75 dan mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman bekerja yang berkaitan dengan bidang pengkhususan; atau

2. A bachelor's degree from Universiti Utara Malaysia or any other institutions of higher learning recognised by the University Senate with a CGPA of **less than 2.75** and have **at least five (5) years** of relevant work experience may be considered, subject to the interview by Postgraduate Committee; **or**

Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Utara Malaysia atau dari mana-mana institusi Pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat dengan PMK kurang daripada 2.75 dan mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman bekerja boleh dipertimbangkan, tertakluk kepada lulus temuduga oleh Jawatankuasa Ijazah Lanjutan; atau

3. A diploma from any institutions of higher learning recognised by the University Senate with at least ten (10) years of relevant work experience, 35 years or older and passed APEL assessment (level 7); **and**

Mempunyai diploma dari mana-mana institusi Pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Senat dengan sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman bekerja, berumur 35 tahun ke atas dan lulus penilaian APEL (tahap 7); dan

4. fulfil the English language requirement as set by the University Senate.

Memenuhi syarat keperluan Bahasa Inggeris yang ditetapkan oleh Senat Universiti

- i) bahawa tarikh program penawaran dan semakan

1. Tarikh kelulusan (penawaran) SENAT UNIVERSITI:
 - Senat 215 Bil. 6/2009 pada 30/08/2009
2. Tarikh kelulusan (penawaran) KPT
 - Lulus [surat JPT (A) 1000/021/014/01/Jld.4(2) bertarikh 06/04/2012]
3. Tarikh kelulusan SENAT UNIVERSITI (semakan program)
 - Senat Khas Bil.2/2011 pada 24/1/2011
4. Tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Ijazah Lanjutan (JIL) Universiti Kali ke 199. bil 2/2017 pada 15 Februari 2017.

- j) tentang pandangan bahawa kursus baharu yang hendak ditawarkan adalah sama dengan kursus yang sedia ada tetapi ditukar kod sahaja;

- k) tentang pandangan bahawa ini perlu dilakukan bagi memenuhi keperluan yang telah ditetapkan oleh AMBA dan hanya berkuatkuasa melalui kemasukan pelajar baharu pada September 2017 nanti.
- ii. bersetuju meluluskan cadangan semakan kurikulum program Sarjana Pentadbiran Perniagaan seperti yang dibentangkan

**Dekan
OYAGSB**